

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 27 MEI 2015

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan kursus atau taklimat khas kepada agensi pelancongan khusus untuk pengurusan pelancong dalam negara. Apakah jenis kursus serta taklimat khas berkenaan yang wajib disertai oleh agensi pelancongan terbabit.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua kursus khas yang ditawarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia kepada agensi pelancongan iaitu *Travel and Tours Management Course (TTMC)* dan *Travel and Tours Enhancement Course (TTEC)*. Kursus *Travel and Tours Management Course (TTMC)* merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri selama 2 hari oleh agensi pelancongan sebelum dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia manakala kursus *Travel and Tours Enhancement Course (TTEC)* merupakan kursus selama sehari bagi agensi pelancongan yang telah berlesen dan perlu dihadiri sebagai syarat untuk memperbahurui lesen mereka. Objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- a. Memastikan pengusaha agensi pelancongan dan pengembaraan sentiasa dilengkapi dengan maklumat terkini dan relevan mengenai isu semasa serta halatuju Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- b. Sebagai platform kepada pengusaha industri pelancongan tempatan untuk memberi maklumbalas mengenai isu-isu semasa berkaitan industri pelancongan.
- c. Meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi pelancongan bagi meningkatkan kepuasan pelancong.

- d. Menggalakkan amalan *continuous education* kepada para penggiat industri pelancongan.
- e. Memberi pendedahan secara langsung kepada agensi industri pelancongan mengenai halatuju industri pelancongan Malaysia yang telah disasarkan oleh *National Key Economic Area (NKEA)* dan *Malaysia Tourism Transformation Plan (MTTP)*.
- f. Memastikan setiap agensi industri pelancongan memahami kepentingan dan sasaran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk mencapai objektif *Malaysia Tourism Transformation Plan (MTTP)* dengan sasaran kedatangan 36 juta pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM168 billion pada tahun 2020.
- g. Mempersiapkan agensi industri pelancongan dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya untuk menjadi lebih berpengetahuan, mesra pelancong dan mengamalkan budaya *Think VMY, Act VMY* bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia (VMY) 2014 dan kini *Malaysia Year of Festivals (MyFest)*.

Pada tahun 2014, sebanyak 7 kursus TTMC telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 497 orang manakala sebanyak 85 kursus TTEC telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan jumlah peserta seramai 1896 orang.

Sekian, terima kasih.